



## Produk Inovasi Pelajar Curi Tumpuan Pada Ekspos Keusahawanan

**Beberapa produk kreatif dan inovasi pelajar UMS curi tumpuan pada Ekspos Asas Pembudayaan Keusahawanan ke-10.**

*Smart Handphone Holder* hasil inovasi kumpulan pelajar dari Sekolah Sains Sosial antara yang menarik perhatian pengunjung-pengunjung ekspos. Produk yang diperbuat daripada botol syampu berfungsi sebagai tempat meletak telefon bimbit yang boleh disambungkan ketika sedang mengecas.

Salah seorang ahli kumpulan, Marjaidi Asmara menerangkan bahawa produk tersebut dicipta dalam pelbagai bentuk bersesuaian dengan jenis telefon bimbit yang terdapat di pasaran.

"Produk ini dicipta bagi menyelesaikan masalah yang sering dihadapi pengguna, iaitu mengelakkan telefon bimbit diletak di tempat tinggi ketika dicas, dan berisiko terjatuh dan menyebabkan telefon bimbit rosak," katanya.

Produk *Snap Sweet Memory Photobooth* ciptaan kumpulan pelajar dari Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) turut menjadi tumpuan pengunjung. Hasil produknya tampak mudah dan ringkas namun berjaya menghasilkan keuntungan yang lumayan. Caranya kumpulan pelajar ini

menggunakan dua kain bercorak sebagai latar belakang dan pengunjung memegang pelbagai bingkai gambar bercorak menarik sebelum jurufoto mengambil gambar mereka yang unik.

Pelajar SPE, Izzah Asyikin menjelaskan kumpulan mereka berjaya mencatat jualan melebihi dari sasaran yang ditetapkan.

"Kami menyasarkan untuk menjual sekurang-kurangnya 40 keping gambar, tetapi tidak menyangka berjaya menjual sehingga 79 keping," katanya.

